



## MUZAKARAH PAKAR:

GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PENGELUARAN FATWA  
PERINGKAT KEBANGSAAN  
24 OKTOBER 2012 / 8 ZULHIJAH 1433H (RABU)  
DEWAN SENAT,  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

## SESI KEDUA

**Proses Penyediaan Fatwa di Malaysia: Peraturan Dan Amalan**

## Pembentang

**Y. Bhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman  
Penasihat Perundangan Syariah  
Jabatan Peguam Negara (JPN)**

**Anjuran**

**Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia  
(INFAD)**

**Dengan Kerjasama**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
(JAKIM)**



# PROSES PENYEDIAAN FATWA DI MALAYSIA : PERATURAN DAN AMALAN<sup>1</sup>

Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman<sup>2</sup>

## PENDAHULUAN

Pada zaman mutakhir ini, pelbagai isu berhubung dengan penentuan hukum Syarak timbul di kalangan masyarakat Islam. Pengeluaran fatwa oleh institusi fatwa merupakan suatu mekanisme penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan isu-isu tersebut. Fatwa bukan sahaja menjadi pembimbing kepada rakyat dan masyarakat, malah juga panduan kepada pemerintah. Justeru, fatwa adalah kegiatan penting yang membentuk pemikiran dan kepercayaan umat Islam di alam Melayu dan Negara ini dalam semua aspek kehidupan merangkumi akidah, syariah dan akhlak.

Di Malaysia, institusi mufti dan fatwa merupakan institusi agama yang mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri untuk menyelesaikan persoalan berhubung hukum Syarak serta menjelaskan kesamaran dan kekeliruan berkaitan sesuatu perkara baru (*ahkam al-nawazil al-fiqhiah al-mua'sirah*). Institusi ini juga diberi kuasa dan tanggungjawab di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Negeri untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dan Sultan/Raja selaku ketua agama Islam bagi Negeri-Negeri mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam dan hukum Syarak, khususnya atas apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian mengenai atau berhubungan dengan hukum Syarak. Ini adalah selaras dengan kedudukan Islam yang telah dimartabatkan sebagai agama bagi Persekutuan semasa pembentukan Malaysia.

## FATWA DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Bidang kuasa Mufti yang meliputi nasihat berhubung dengan hukum Syarak adalah terkandung dalam Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

---

<sup>1</sup> Kertas Kerja ini dibentangkan di Muzakarah Pakar : Garis Panduan Dan Piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, 24 OKtober 2012

<sup>2</sup> Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara

## “Senarai II—Senarai Negeri

1. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, **hukum Syarak** dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerdagangan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap **perintah agama itu**, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; **penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak** dan adat Melayu.”.

Berdasarkan kepada keluasan maksud ayat “*hukum syarak*” dan “*penentuan perkara mengenai hukum syarak dan doktrin Islam*” yang termaktub dalam butiran 1 Senarai Negeri, adalah jelas bahawa kuasa penentuan hukum syara’ itu bersifat umum.

## INSTITUSI FATWA DAN PROSES PENYEDIAAN FATWA

Secara umumnya, terdapat dua institusi fatwa yang diwujudkan di bawah undang-undang negara ini, iaitu Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Kedua-dua Jawatankuasa Fatwa itu ditubuhkan di bawah undang-undang yang berbeza:

### (i) Jawatankuasa Fatwa Negeri

#### *Penubuhan Jawatankuasa Fatwa Negeri*

Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri ditubuhkan di bawah Akta/Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri. Sebagai contoh, menurut seksyen 46 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan

seperti yang berikut :

“Seksyen 46. Jawatankuasa Fatwa.

- (1) Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa.
- (2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada—
  - (a) Mufti, sebagai Pengerusi;
  - (b) Timbalan Mufti;
  - (c) Penasihat Undang-Undang Negeri;
  - (d) dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis;
  - (e) seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam Hukum Syarak yang akan dilantik oleh Majlis;
  - (f) tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang layak dan sesuai, yang dilantik oleh Majlis; dan
  - (g) seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis, sebagai Setiausaha.”.

Selanjutnya, Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan mengenai kuasa mufti untuk membantu menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan (DYMM Sultan) berkenaan dengan semua perkara yang berkaitan dengan hukum Syarak. Berdasarkan peruntukan tersebut adalah jelas bahawa undang-undang Negeri membolehkan fatwa dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri mengenai apa-apa isu yang dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa itu oleh mana-mana pihak termasuk oleh pihak Kerajaan.

#### *Proses Penyediaan Fatwa Peringkat Negeri*

Jawatankuasa Fatwa merupakan salah satu badan yang membantu Mufti dalam proses mengeluarkan fatwa. Jawatankuasa ini mempunyai nama yang berbeza-beza di negeri-negeri seperti Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak<sup>3</sup> di Wilayah Persekutuan dan Jawatankuasa Fatwa<sup>4</sup> di Selangor. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa ini menjalankan fungsi yang sama sahaja iaitu membantu Mufti dalam

---

<sup>3</sup> Seksyen 37 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]

<sup>4</sup> Seksyen 46 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

proses mengeluarkan fatwa. Jawatankuasa Fatwa mempunyai kuasa untuk menetapkan atau memberikan pandangan hukum/ fatwa sama ada atas perintah Ketua Agama Negeri, inisiatifnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak atau orang.<sup>5</sup> Sebagai contoh, seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan seperti yang berikut:

“Seksyen 47. Kuasa Jawatankuasa fatwa untuk menyediakan fatwa.

Tertakluk kepada seksyen 51, **Jawatankuasa Fatwa hendaklah, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi berkaitan dengan Hukum Syarak.**”.

Seterusnya, tatacara pembuatan fatwa diperuntukkan dalam seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Pembuatan fatwa dimulakan dengan Mufti mengarahkan suatu kajian atau penyelidikan dijalankan dan kertas kerja disediakan.<sup>6</sup> Selanjutnya suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa hendaklah diadakan bagi membincangkan fatwa yang dicadangkan.<sup>7</sup> Mufti akan mengemukakan fatwa yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa kepada Majlis Agama Islam Negeri untuk dipertimbang dan diteliti sebelum membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenannya bagi penyiaran fatwa itu dalam Warta.<sup>8</sup>

Selain itu, tatacara pembuatan fatwa juga diperuntukkan secara jelas dalam Draf Garis Panduan Penetapan Hukum/Fatwa Oleh Pihak Berkuasa Fatwa Negeri 2010, Mufti boleh atas pertimbangannya mengarahkan kajian-kajian atau penyelidikan dijalankan mengikut kaedah penetapan hukum/fatwa yang ditetapkan.<sup>9</sup> Sesuatu permohonan untuk mendapatkan pandangan hukum/fatwa hendaklah dikemukakan kepada Mufti secara bertulis.<sup>10</sup> Justeru, adalah jelas bahawa jika apa-apa persoalan berbangkit atau pertikaian mengenai sesuatu hukum Syarak di

<sup>5</sup> Perkara 4, Draf Garis Panduan Penetapan Hukum/Fatwa Oleh Pihak Berkuasa Fatwa Negeri 2010

<sup>6</sup> subseksyen 48 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

<sup>7</sup> *Ibid.*, subseksyen 48 (2)

<sup>8</sup> *Ibid.*, subseksyen 48 (3) dan (4)

<sup>9</sup> Perkara 8, Draf Garis Panduan Penetapan Hukum/Fatwa Oleh Pihak Berkuasa Fatwa Negeri 2010

<sup>10</sup> *Ibid.*, Perkara 5

Negeri-Negeri, maka hanya Mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri sahaja yang diberikan kuasa oleh undang-undang untuk mengeluarkan fatwa mengenainya.

Selanjutnya, Mufti hendaklah memanggil Mesyuarat Jawatankuasa bagi membincang dan menimbangkan isu atau persoalan yang telah dibuat kajian atau penyelidikan bagi menetapkan pandangan hukum/ fatwa.<sup>11</sup> Sekiranya persoalan itu adalah remeh atau hukum asas yang terdapat secara jelas di dalam Al-Quran dan hadith-hadith, Mufti boleh terus menjawab dan menjelaskan hukum terhadap persoalan tersebut.<sup>12</sup> Sebaliknya, sekiranya persoalan itu menyentuh isu atau kepentingan nasional, Mufti Negeri boleh merujuk persoalan itu kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, selepas diperakui oleh Pihak Berkuasa Fatwa Negeri.<sup>13</sup>

Proses penyediaan fatwa boleh dilakukan melalui 2 proses yang bermula dengan penyediaan proposal kes yang merangkumi isu, skop, kerelevanan, data yang diperlukan, konteks yang perlu, belanjawan dan *Gantt chart* jadual pelaksanaan. Proses seterusnya adalah penyediaan kertas kajian yang merangkumi tujuan, latar belakang, masalah (isu utama), akta/peruntukan/pandangan yang ada, rujukan/ sandaran dalil/cara pendalilan, analisis/implikasi hukum (hujah menerima dan menolak), asas pertimbangan, keputusan/kaedah penyelesaian/syor/ cadangan.<sup>14</sup>

Semasa membuat fatwa, Jawatankuasa membuat rujukan bersumberkan keutamaan daripada Al-Qur'an, As-Sunnah, Al-Ijma' dan Al-Qiyas', Al-Istishab, Al-Istihsan, Al-Masalih al-Mursalah, Al-'Urf, Al-'A-dah al-Muhakkamah, Syar'u Man Qablana, Syaad Al-Zarai' dan Amal ahli al-Madinah.<sup>15</sup>

---

<sup>11</sup> *Ibid.*, Perkara 10

<sup>12</sup> *Ibid.*, Perkara 6

<sup>13</sup> *Ibid.*, Perkara 7

<sup>14</sup> *Ibid.*, Perkara 9

<sup>15</sup> *Ibid.*, Perkara 11(1)(a)

Selain sumber seperti di atas, Jawatankuasa Fatwa atau Mufti juga akan merujuk pendapat-pendapat sahabat, tabi'in, imam-imam mazhab dan fuqaha' dengan mengadakan penelitian terhadap dalil-dalil dan wajah istidlalnya.<sup>16</sup>

Selain daripada itu, pendapat-pendapat Mazhab Shafi'i digunakan untuk sesuatu fatwa, kecuali jika didapati sebab tertentu untuk kepentingan dan masalah umat, Jawatankuasa Fatwa boleh menggunakan qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali dan seterusnya fatwa dibuat secara ijtihad jama'ie. Ini adalah selaras dengan seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang memperuntukkan—

**“Seksyen 54. Qaul muktamad yang hendaklah diikuti.**

(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) **Mazhab Syafie**.

(2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut **qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali**.

(3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut **ijtihad** tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.”.

Apabila sesuatu persoalan yang dikemukakan kepada Jawatankuasa telah diputuskan, Mufti hendaklah menyediakan dan mengeluarkan suatu *sighah* pandangan hukum/ fatwa atas nama dan bagi pihak Jawatankuasa. *Sighah* pandangan hukum/ fatwa itu jika dikehendaki, perlu mendapat perakuan Pihak Berkuasa Fatwa Negeri sebelum disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan sebagai pandangan hukum/ fatwa rasmi.<sup>17</sup>

Jika sesuatu pandangan hukum itu dibuat atas permohonan mana-mana pihak atau orang, Mufti hendaklah menyampaikan *sighah* pandangan hukum yang

---

<sup>16</sup> *Ibid.*, Perkara 11(1)(b)

<sup>17</sup> *Ibid.*, Perkara 12 dan 13

diputuskan Jawatankuasa atau Pihak Berkuasa Fatwa Negeri kepada pihak atau orang berkenaan.

Jika pandangan hukum/fatwa itu melibatkan perkara yang menyentuh umat Islam di Malaysia pada keseluruhannya, maka pandangan hukum/fatwa itu hendaklah juga disampaikan kepada kesemua Pengerusi Pihak Berkuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

Semua Negeri telah menerima pakai prinsip bahawa hanya fatwa yang diwartakan sahaja yang mengikat umat Islam di sesebuah Negeri.<sup>18</sup> Perkara tersebut adalah bertujuan untuk membezakan antara fatwa dengan pandangan peribadi mufti yang boleh dianggap sebagai nasihat dan panduan kepada pihak yang meminta pandangan berkenaan tidak kira sama ada orang awam, institusi atau pemerintah. Sesetengah pihak beranggapan bahawa pandangan atau nasihat sedemikian juga adalah fatwa tetapi ia tidak mempunyai kuat kuasa undang-undang kepada orang awam atau pihak-pihak lain kerana ia tidak diwartakan.

Sesuatu fatwa apabila diwartakan akan berkuatkuasa serta mengikat (*binding*) orang yang bermastautin di negeri berkenaan dan hendaklah diiktiraf oleh semua mahkamah Syariah dalam negeri berkenaan. Sebagai contoh Negeri Selangor memperuntukkan sebagaimana berikut:

“Seksyen 49. Fatwa yang disiarkan dalam Warta adalah mengikat.

(1) Apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Selangor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan peribadi.

(2) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah di dalam Negeri Selangor tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya.”

Selain daripada itu, mahkamah sivil juga boleh meminta pendapat daripada Mufti berhubung dengan apa-apa persoalan yang berkaitan hukum Syarak dan Mufti boleh memperakukan pendapatnya kepada mahkamah yang meminta pendapat itu.

---

<sup>18</sup> subseksyen 48 (9) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor)

Ini telah diperuntukkan di bawah seksyen 53 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagaimana berikut:

"Seksyen 53. Meminta pendapat daripada Jawatankuasa Fatwa.

Jika dalam mana-mana Mahkamah selain Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan Hukum Syarak perlu diputuskan, Mahkamah itu boleh meminta pendapat Jawatankuasa Fatwa tentang persoalan itu, dan Mufti boleh memperakukan pendapat Jawatankuasa Fatwa itu kepada Mahkamah yang membuat permintaan itu."

Justeru, adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 12(c) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 jika mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina kuasa yang sah, atau melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Mufti yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Manakala, seksyen 13 enakmen yang sama memperuntukkan bahawa sekiranya seseorang itu memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang apa-apa isu, ajaran Islam atau Hukum Syara' yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Negeri ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

## **(ii) Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan**

### *Penubuhan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan*

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada awal 1970 di bawah Peraturan 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Peruntukan mengenai penubuhan dan keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan di bawah Peraturan 11 tersebut adalah seperti yang berikut:

"11. (a) Maka hendaklah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Fatwa terdiri daripada ahli-ahli berikut:

- (i) Pengerusi Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis dari antara ahli-ahlinya;
- (ii) Mufti tiap-tiap Negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili Negeri dalam Hal Ehwal Ugama;
- (iii) Sembilan orang ahli yang beragama Islam terdiri daripada Alim Ulama,

kalangan profesional\* dan pakar-pakar yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja;

- (iv) Seorang ahli yang beragama Islam dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau dari profession undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja;”.

\* sains dan perubatan, farmaseutikal, bioteknologi, industri halal, muamalat dan kewangan Islam seperti takaful, perbankan Islam dan pasaran modal.

Tujuan Penubuhan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah sebagai badan penyelarar terhadap Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri khususnya dalam membincangkan isu-isu besar dan bersifat segera, melibatkan persoalan negara ataupun akidah umat Islam. Penubuhan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah selaras dengan Fasal (2)(b) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti yang berikut:

**“Perkara 38. Majlis Raja-Raja.**

(2) Majlis Raja-Raja hendaklah menjalankan fungsinya bagi—

- (a) ...;
- (b) mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh.”.

Fungsi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan 14 Peraturan MKI, iaitu untuk **menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa** mengenai sesuatu perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk oleh Majlis Raja-Raja. Peraturan 14 itu berbunyi seperti yang berikut:

“14. Tugas Jawatankuasa Fatwa itu ialah **menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa** atas apa-apa perkara berkenaan dengan Ugama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis yang akan menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyorannya kepada Majlis Raja-Raja.”.

Undang-undang Fatwa setiap Negeri memperuntukkan supaya persoalan hukum yang menyentuh kepentingan awam dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan melalui Sultan dan Majlis Raja-Raja. Namun begitu, keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan hanya boleh dikuatkuasakan di Negeri-Negeri setelah mendapat perkenan Sultan/Raja negeri berkenaan.

## *Proses Penyediaan Fatwa Peringkat Kebangsaan*

Permohonan penyediaan fatwa tentang sesuatu isu hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Jawatankuasa melalui Pengerusi Pihak Berkuasa Fatwa Negeri.<sup>19</sup> Penerimaan sesuatu isu adalah melalui sama ada arahan kerajaan, pertanyaan agensi dan organisasi, kemusykilan orang ramai dan juga melalui tindakan proaktif pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam mengenalpasti isu yang memerlukan keputusan hukum.<sup>20</sup>

Seterusnya, proses penyediaan fatwa adalah melalui dua cara iaitu melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan MKI (arahan Mesyuarat Majlis Raja-Raja) dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan MKI (tanpa arahan Mesyuarat Majlis Raja-Raja).<sup>21</sup>

### **(i) Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI**

Secara ringkas, proses pengeluaran hukum/fatwa ini bermula apabila Mesyuarat Majlis Raja-Raja menitahkan supaya Jawatankuasa Fatwa MKI memberikan pandangan hukum/fatwa tentang sesuatu isu yang timbul dalam masyarakat. Isu yang dikemukakan akan dikaji, disediakan satu kertas kerja berkaitan dan kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI. Apabila Mesyuarat telah mengeluarkan pandangan hukum/fatwa, maka pandangan hukum/fatwa berkenaan akan dirafa'kan kepada Majlis Raja-Raja melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Ugama Islam Malaysia. Pandangan hukum/fatwa yang telah diperkenan oleh Majlis Raja-Raja tersebut akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri tanpa boleh dipinda dan seterusnya diwartakan sebagai fatwa negeri berkenaan.

### **(ii) Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI**

---

<sup>19</sup> Perkara 4(1) Peraturan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Ugama Islam Malaysia (Prosedur Penetapan Fatwa Di Malaysia)-telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-39 pada 11 Oktober 1997, [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

<sup>20</sup> Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, (2008), *Kedudukan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Dan Proses Pembuatan Fatwa*, Kedah

<sup>21</sup> [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

Proses pengeluaran hukum/fatwa ini adalah melalui permohonan dari masyarakat Islam atau pihak-pihak tertentu. Isu yang dikemukakan sekiranya menyentuh kepentingan nasional akan dikaji oleh beberapa ahli yang dilantik sebagai panel kajian seperti panel Kajian Syariah atau panel Kajian Akidah mengikut mana-mana isu yang berkenaan. Panel ini akan mengesyorkan pandangannya berkaitan dengan isu yang dikaji untuk pertimbangan ahli Jawatankuasa Fatwa MKI. Seterusnya, satu kertas kerja berkaitan isu berbangkit akan disediakan dan disemak sebelum dibentangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Pihak-pihak tertentu yang pakar akan dipanggil untuk memberikan pandangan dan penjelasan terhadap isu-isu yang tidak jelas atau memerlukan penjelasan dan taklimat terperinci supaya semua Ahli Jawatankuasa Fatwa MKI mendapat maklumat yang tepat bagi membuat dan memutuskan keputusan. Pandangan hukum/fatwa yang diputuskan dalam Muzakarah ini akan dibawa ke Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan negeri boleh meminda keputusan tersebut atau menerimanya tanpa pindaan sebagai fatwa negeri. Pandangan hukum/fatwa yang diputuskan dalam Muzakarah ini juga akan dirafa'kan untuk perkenan Raja/Sultan negeri berkenaan untuk diperkenan dan seterusnya diwartakan.

Semasa membuat fatwa, Jawatankuasa Fatwa atau Mufti akan membuat rujukan bersumberkan keutamaan daripada Al-Qur'an, As-Sunnah, Al-Ijma' dan Al-Qiyas', Al-Istishab, Al-Istihsan, Al-Masalih al-Mursalah, Al-'Urf, Al-'A-dah al-Muhakkamah, Syar'u Man Qablana, Syaad Al-Zarai' dan Amal ahli al-Madinah.<sup>22</sup>

Selain sumber seperti di atas, Jawatankuasa Fatwa atau Mufti juga akan merujuk pendapat-pendapat sahabat, tabi'in, imam-imam mazhab dan fuqaha' dengan mengadakan penelitian terhadap dalil-dalil dan wajah istidlalnya.<sup>23</sup>

---

<sup>22</sup> Perkara 6(1)(a) Peraturan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Ugama Islam Malaysia (Prosedur Penetapan Fatwa Di Malaysia)-telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-39 pada 11 Oktober 1997, [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

<sup>23</sup> *Ibid.*, Perkara 6(1)(b)

Selain daripada itu, pendapat-pendapat Mazhab Shafi'i digunakan untuk sesuatu fatwa, kecuali jika didapati sebab tertentu untuk kepentingan dan masalah umat, Jawatankuasa Fatwa boleh menggunakan qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali dan seterusnya fatwa dibuat secara ijtihad jama'ie.

Sekiranya isu yang ingin difatwakan melibatkan bidang- bidang teknikal contohnya astronomi, sains perubatan, sains teknologi, kewangan dan ekonomi, sosiologi dan sebagainya maka pandangan pakar dalam bidang berkaitan adalah diperlukan dalam memastikan keputusan yang diputuskan benar- benar tepat, komprehensif dan berwibawa. Mengikut amalan semasa, pakar- pakar tersebut akan dijemput untuk memberikan taklimat dan penerangan kepada ahli- ahli Panel Kajian Syariah, Panel Kajian Akidah atau Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.<sup>4</sup>

Perkembangan mutakhir, Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan juga telah dilantik daripada kalangan yang pakar dalam bidang sains dan perubatan, farmaseutikal, bioteknologi, industri halal, muamalat dan kewangan Islam seperti takaful, perbankan Islam dan pasaran modal.

## **PENGUATKUASAAN DAN PEMAKAIAN FATWA DI NEGERI-NEGERI**

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan secara jelas bahawa hal perkara berhubung dengan agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri. Selain itu, sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh negeri hanya akan mengikat orang yang tinggal di dalam negeri tersebut sahaja sekiranya fatwa itu diwartakan. Ini adalah selaras dengan peruntukan Akta/Enakmen negeri-negeri bahawa sesuatu fatwa yang dikeluarkan tidak mengikat melainkan setelah fatwa itu diwartakan oleh negeri berkenaan. Sebagai contoh perkara ini jelas diperuntukkan dalam seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 seperti berikut:

"Seksyen 49. Fatwa yang disiarkan dalam Warta adalah mengikat.

---

<sup>24</sup> Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, (2008). *Kedudukan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Dan Proses Pembuatan Fatwa*, Kedah

(1) Apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Selangor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan peribadi.”

Selanjutnya, bagi tujuan penguatkuasaan, sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah di dalam negeri di mana fatwa itu diwartakan.<sup>25</sup> Walau bagaimanapun, penguatkuasaan fatwa yang berada di bawah kuasa negeri ini sebenarnya menyumbang kepada kesukaran untuk tujuan penyeragaman fatwa seluruh Malaysia. Ini dapat dilihat apabila hanya terdapat beberapa fatwa sahaja yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang diterima dan diwartakan di semua negeri. Sebagai contoh fatwa berkenaan pengharaman buku *Aurad Muhammadiyah* telah diterima dan diwartakan oleh semua negeri hasil daripada keputusan Persidangan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan setelah diperakui oleh Majlis Raja-Raja.

Selain itu, terdapat juga kecenderungan senario yang mengubah fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dengan meminda teks fatwa tersebut setelah ianya dibawa balik ke negeri dan diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa negeri berkenaan. Walaupun keputusan fatwa yang dibuat di peringkat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan merupakan keputusan majoriti atau keputusan bersama para mufti yang menjadi anggota, namun perubahan masih berlaku apabila dibincangkan semula di peringkat negeri. Sebagai contoh, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia<sup>26</sup> telah memutuskan bahawa Buku *Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam, Sekaligus Menjawab Tuduhan* oleh Ashari Muhammad hendaklah ditahan penyebarannya kerana ia mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan syariat Islam dan mengelirukan masyarakat Islam. Manakala Jawatankuasa Syariah di negeri Pahang<sup>27</sup> pula telah menerima fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dengan penambahan

---

<sup>25</sup> subseksyen 49 (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

<sup>26</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-17 yang bersidang pada 6 Oktober 1986, [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

<sup>27</sup> *Fatwa Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam (Pahang)*, Tarikh Keputusan: 23 Jul, 1988, lihat [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

pengharaman termasuklah dicetak, diterbitkan, dijual, dipamerkan sama ada untuk dijual atau dipertunjukkan percuma dengan apa cara jua pun, disebarikan dan dibahagi-bahagikan dan juga daripada berada dalam kawalan, simpanan atau milik seseorang dan mana-mana orang yang melanggar fatwa ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dikenakan hukuman seperti diperuntukkan dibawah seksyen-seksyen 164 dan 165 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982

Selanjutnya, fatwa berhubung dengan anak tak sah taraf telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia<sup>28</sup> dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu<sup>29</sup> telah mewartakan fatwa tersebut. Walaubagaimana pun, Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu telah meminda teks asal fatwa Kebangsaan namun mengekalkan maksud yang sama. Ini dapat dilihat melalui perbandingan teks fatwa-fatwa seperti yang berikut:

“Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan mengenai Anak Tak Sah Taraf. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

a. Anak Tak Sah Taraf ialah:

1. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.
2. Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzah (saat) mengikut Taqwim Qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).

b. Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali.”; dan

“Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 50(6) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M En. Tr. 2/2001), setelah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan setelah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dengan ini menyiarkan fatwa yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 50 Enakmen ini seperti berikut:

Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali dan tidak diharuskan perkara-perkara yang diharuskan bagi keluarga yang sah tarafnya pada syarak.”

---

<sup>28</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003, [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

<sup>29</sup> [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

## **Kesimpulan**

Proses penyediaan fatwa di peringkat kebangsaan dan negeri adalah sama tetapi mempunyai kesan yang berbeza. Fatwa yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI melalui Mesyuarat Majlis Raja-Raja adalah mengikat dan boleh dikuatkuasakan di negeri-negeri. Manakala fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI adalah bersifat pandangan dan tidak mempunyai kesan perundangan dan hanya akan mengikat sekiranya pandangan tersebut dibawa ke Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri dan diwartakan. Fatwa yang dibuat oleh Jawatankuasa fatwa negeri perlu dikemukakan kepada D.Y.M.M Sultan/Raja selaku Ketua Agama Islam Negeri untuk mendapat perkenan baginda untuk diwartakan.

Justeru itu, adalah jelas bahawa apa-apa persoalan berbangkit atau pertikaian mengenai sesuatu hukum Syarak di negeri-negeri maka hanya Mufti dan Jawatankuasa Fatwa negeri sahaja yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mengeluarkan fatwa mengenainya.

